



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP



**BERITA**

24 JAM

**KPDN**

**KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE**

*Untuk makluman:*

- YB Menteri
- YB Timbalan Menteri
- YBhg. KSU
- YBhg. TKSU (PPDN)
- YBhg. TKSU (PP)
- Setiausaha Akhbar

**Tarikh: 25 Februari 2025**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## 阿米占：確保買到補貼食油 ECOSS記錄擬擴至消費者

（吉隆坡24日讯）国内贸易及生活费部长拿督阿米占表示，为了确保补贴到位，用在对的群体上，消费者日后在购买补贴食油时，或须扫描二维码“验明身分”。

他说，政府仍在研究相关方案，即将食油补贴计划（ECOSS）的交易记录扩大至消费者，以不会造成人民负担的方式，包括使用應用程式落实，让消费者扫描二维码或使用身分证登记。

“我们还在探讨最佳的落实方式。我们的责任是确保6万公吨的补贴食油，让真正符合资格的群体消费者用上，让他们可以在市场上找到这类食油。”

他在国会下议院参与感谢国家元首施政御词进行部门总结时说，2020年至今，政府对食用油的补贴超过10亿令吉，并逼近20亿令吉。

他指出，现有的ECOSS系统

下，仅要求从工厂、包装商、批发到零售商需要有交易记录。

“这些交易记录只是到零售商，没有购买的消费者记录。因此我们最近决定，交易记录需要从工厂一直到购买食用油的消费者。”

阿米占说，该部去年对包装公司展开的检查和审计后，有16家公司被吊销配额，另有30家公司因违反食用油价格合理化计划（COSS）的条件，而被全面撤销配额。

### 拟提高

### 滥用清真标志罚款

另外，阿米占表示，该部正在与大马伊斯兰发展局（JAKIM）和相关方讨论，是否要提高滥用清真标志的行为的罚款。他说，该部也正在考虑对没有检查清真标志真伪的商家，采取行动。

# Didakwa simpan 3,399 liter diesel

**KOTA BHARU** – Seorang pengurus sebuah syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini semalam atas dua pertuduhan menyimpan sebanyak 3,399 liter minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran sah pada tahun lalu.

Tertuduh, Tan Chak Kee, 56, bagaimanapun mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Abillah.

Mengikut kedua-dua pertuduhan, wanita itu didakwa memiliki sebanyak 3,399 liter minyak diesel tanpa kebenaran sah ketika serbuan dilakukan di Sungai Petai, Pasir Puteh dekat sini pada 2 Februari tahun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 bagi pertuduhan pertama dan Seksyen 8(4)(a) akta sama untuk kes kedua.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Mohd. Izzat Wan Abdullah manakala tertuduh diwakili peguam, Mohd. Azrul Hasyimi Mohammad

Terdahulu, Wan Mohd. Izzat mencadangkan jaminan sebanyak RM18,000 bagi pertuduhan pertama dan RM14,000 bagi kes kedua.

Selain itu, pihak pendakwaan turut mengenakan syarat tamba-



**PEGAWAI KPND membawa Chak Kee (tengah) untuk didakwa atas pertuduhan menyimpan sebanyak 3,399 liter minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran sah di Mahkamah Sesyen Kota Bharu semalam.**

han iaitu pasport tertuduh diserahkan kepada mahkamah, perlu melapor diri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Kelantan setiap dua bulan selain tidak mengganggu saksi pendakwaan.

Mahkamah membenarkan

ikat jamin sebanyak RM32,000 dengan seorang penjamin bagi kedua-dua pertuduhan selain menetapkan 22 April depan untuk sebutan semula kes dan serahan dokumen.

Tertuduh membayar jaminan yang ditetapkan mahkamah.

## Nafi seleweng 3,399 liter diesel bersubsidi

**Kota Bharu:** Pemilik syarikat didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, semalam atas dua pertuduhan penyelewengan minyak diesel bersubsidi tanpa kebenaran sah, 2 Februari lalu.

Bagaimanapun tertuduh, Tan Chak Kee, 56, mengaku tidak bersalah atas kedua-dua pertuduhan yang dibacakan di hadapan Hakim Zulkifli Ablah.

Mengikut pertuduhan, dia didakwa memiliki sebanyak 3,399 liter minyak diesel tanpa kebenaran sah ketika serbuan di Sungai Petai, Pasir Puteh, pada 2 Februari 2024.

Kesalahan didakwa mengikut Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961 (AKB 1961) dibaca bersama Peraturan 3(1) Peraturan-Peraturan Kawalan Bekalan 1974 bagi kes pertama dan Seksyen 8(4)(a) AKB 1961 bagi kes kedua.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Wan Mohd

Izzat Wan Abdullah manakala tertuduh diwakili peguam dari Tetuan Azrul Hasyimi & Co.

Terdahulu, Wan Mohd Izzat mencadangkan jaminan sebanyak RM18,000 bagi kes pertama dan RM14,000 bagi kes kedua, dengan syarat tambahan iaitu pasport diserahkan kepada mahkamah.

Tertuduh juga perlu melapor diri di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) setiap dua bulan serta tidak mengganggu saksi pendakwa-an.

Mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM32,000 dengan seorang penjamin dan menetapkan 22 April depan sebagai tarikh sebutan semula bagi serahan dokumen kes.

Tertuduh membayar wang jaminan yang ditetapkan sebelum dibebaskan sementara menunggu perbicaraan.



CHAK Kee didakwa di Mahkamah Sesyen Kota Bharu atas pertuduhan penyelewengan minyak diesel bersubsidi.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **KERATAN AKHBAR**

## **UMUM**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

## Bekalan ayam mencukupi ketika Ramadan



Peniaga melayan pelanggan mendapatkan bekalan ayam di pasar Chow Kit, Kuala Lumpur. (Foto Aswadi Alias/BH)

Kuala Lumpur: Bekalan ayam dijangka mencukupi menjelang bulan puasa ini walaupun banyak bazar Ramadan beroperasi nanti.

Pemborong ayam di Seri Kemangan, Hairuddin Tahir, 67, berkata pada Ramadan, banyak kedai pada Ramadan, banyak kedai akan ditutup, sekali gus permintaan bekalan ayam akan berkurangan.

"Memang banyak bazar Ramadan akan dibuka nanti, tetapi tidak semua peniaga memerlukan bekalan ayam untuk jualan.

"Contoh, jika 100 kedai makan ditutup, hanya 20 akan berniaga di Bazar Ramadan dan memerlukan bekalan ayam.

"Jadi setiap Ramadan, bekalan ayam bukan saja mencukupi, malah ada kalanya berlebihan apabila permintaan turun," katanya kepada BH.

Bagaimanapun, katanya, permintaan ayam biasanya meningkat tiga hari sebelum Aidilfitri.

dan sepanjang Syawal apabila ramai merancang mengadakan rumah terbuka.

Pada masa sama, katanya, sejak 10 tahun kebelakangan, terdapat aliran permintaan ayam tua yang semakin meningkat.

"Dalam tempoh tiga hari sebelum Aidilfitri, saya mampu menjual sehingga 30,000 ayam tua kerana permintaan tinggi.

"Saya percaya permintaan ayam tua semakin meningkat kerana lebih sedap untuk dibuat rendang, selain harga lebih murah," katanya.

Beliau berkata, ketika ini ayam dijual RM5 seekor untuk berkulat kira-kira dua kilogram, namun harga dijangka meningkat menjelang Aidilfitri dan boleh mencapai antara RM8 sehingga RM9 seekor.

"Saya harap orang ramai tidak bimbang dengan bekalan ayam menjelang Ramadan kerana ia sentiasa mencukupi," katanya.

## Eyeball gummy candies banned after death of boy

**LANGKAWI:** The Health Ministry has ordered two online shopping platforms to remove advertisements promoting eyeball gummy candies following the death of a boy in Penang who allegedly choked on the sweets.

Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad said: "We instructed district health offices to conduct enforcement on physical premises and seize remaining products being sold."

The ministry issued a statement banning the sale of the gummy product on all online platforms and in the domestic market.

Investigations found that the product breached the labelling requirements under the Food Regulations 1985 of the Food Act 1983.

On Thursday, the boy died at the Penang Paediatric ICU after allegedly choking on a gummy candy on Feb 18.

The Year Four student is believed to have bought the candy outside the school. - Bernama



## Gesa kerajaan kawal harga santan

**Kuala Lumpur:** Persatuan Pengguna Kedah (Cak) menggesa kerajaan melaksanakan pendekatan strategik jangka pendek dengan mengawal harga santan yang dilaporkan meningkat drastik sejak kebelakangan ini.

Presidennya Mohamad Yusrizal Yusoff berkata, ini kerana kenaikan harga santan akan membebankan pengguna yang sudah terbeban dengan kos sara hidup tinggi.

Menurutnya, jika isu terbabit tidak diatasi, harga makanan berasaskan santan mungkin akan naik terutama apabila Ramadan bakal menjelang.

"Makanan di bazar Ramadan yang menggunakan santan kelak pasti bertambah mahal, malah isi rumah yang memilih memasak di rumah turut terkesan."

"Dalam jangka masa pendek ini, kerajaan perlu mengawal harga kelapa ini supaya tidak terlalu tinggi naik," katanya.

Terdahulu, media melaporkan bekalan kelapa tempatan berkurangan menyebabkan harga kelapa dan santan dijangka meningkat antara RM10 hingga RM20 sekilogram menjelang Ramadan ini.

Mengulas lanjut, Mohamad Yusrizal berkata, peningkatan harga santan juga berkait rapat dengan kebergantungan negara kepada kelapa import.

Justeru, beliau menggesa Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) memperluaskan tanaman kelapa di lokasi dikenal pasti bersesuaian supaya bekalan komoditi itu bertambah.

Oleh Hidayatidayu Razali  
 am@hmetro.com.my

### Kota Bharu

Peniaga kuih dijangka menaikkan harga jualan sehingga 25 peratus selepas Aidilfitri ini susulan kenaikan harga santan.

Tinjauan di Pasar Kubang Pasu di sini, mendapati peniaga kuih-muih masih mengekalkan harga RM2 bagi tiga hingga lima biji kuih.

Peniaga, Tarmizi Husin, 43, berkata, harga RM2 bagi tiga hingga lima biji kuih dijual sejak lebih empat tahun lalu namun ada kemungkinan peniaga akan menaikkan harga kepada RM2.50 selepas Aidilfitri ini.

Katanya, mereka sepatutnya menaikkan harga sehingga 25 peratus berikutan pelbagai kos bahan mentah yang naik termasuk santan.

"Harga santan naik sejak Disember lalu daripada RM10 kepada RM16 sekilogram, namun peniaga kuih masih mengekalkan harga jualan."

"Kami tidak sampai hati hendak menaikkan harga kuih, namun tidak ada pilihan kerana tidak dapat untung jika kekal dengan harga lama."

"Jual kuih ini ikut nasib, ada hari jualan habis dan kadang-kadang tidak habis. Jika tidak habis kami hanya dapat penat saja," katanya yang menjual kuih sejak lapan tahun lalu.

Peniaga santan, Muhammad Nor Akmal Jaafar, 29, berkata, kemungkinan Ramadan ini harga santan akan naik sehingga RM20 berikutan sukar mendapat bekalan kelapa segar.

Katanya, bekalan kelapa dibeli dari Indonesia

TARMIZI terpaksa menaikkan harga jualan berikutan pelbagai kos bahan mentah meningkat.



**SUSULAN KENAIKAN HARGA SANTAN**

# Harga kuih naik selepas Aidilfitri

dengan harga RM3.30 hingga RM3.40 sebiji.

"Kelapa yang dibeli ini ada yang busuk kerana mungkin nak sampai sini mengambil masa lama. Jadi kos buat santan meningkat."

"Setakat ini saya jual santan dengan harga RM13 sekilogram kerana tidak sampai hati hendak jual mahal. Namun, jika harga kelapa terus naik mungkin penjual akan naikan harga santan kepada RM20 sekilogram pada Ramadan ini," katanya.

Dia bagaimanapun berharap harga kelapa tidak naik dan bekalan

kelapa tempatan ada pada Ramadan ini.

Menurutnya, jika bekalan kelapa tempatan cukup, harga santan akan kekal.

**"Kami tidak sampai hati hendak menaikkan harga kuih namun tidak ada pilihan kerana tidak dapat untung jika kekal dengan harga lama"**

Peniaga, Tarmizi Husin



PENIAGA menyediakan santan ditempah pelanggan.

PENUSAHA tanaman kelapa, Nik Abu Daud, 48, menjual kelapa yang elok sebelum ini sebagai pemborong lalu memperolehi menjadi santan di pasaran. Perhiasannya di Karang Sok, Majlis, Tamparuli.

Tidak dapat dielak pengusaha hotel di Negeri Sembilan kerana kenaikan kos

Oleh SYAMILAH ZULKIFLI  
SEREMBAN

**H**arga bufet Ramadan di kebanyakan hotel di Negeri Sembilan meningkat antara lima hingga 10 peratus pada tahun ini.

Pengerusi Persatuan Hotel-Hotel Malaysia (MAH) Negeri Sembilan, Haziz Hassan berkata, kenaikan itu tidak dapat dielak berikutan peningkatan kos operasi termasuk pelaksanaan gaji minimum RM1,700.

"Kenaikan itu antara lima hingga 10 peratus dan secara keseluruhannya harga bufet Ramadan kebanyakan hotel di Negeri Sembilan antara RM60 hingga RM88.

"Semua orang tahu harga barang meningkat sekarang dan kami juga tidak terkecuali turut

terkesan, ia ditambah pula pelaksanaan dasar gaji minimum RM1,700 bermula tahun ini," katanya kepada *Sinar Harian* pada Isnin.

Bagaimanapun katanya, kenaikan harga bufet itu masih dianggap berpatutan dan lebih murah berbanding kadar ditawarkan di sekitar Lembah Klang.

Beliau memberitahu, sudah ada hotel menerima tempahan yang kebanyakannya daripada syarikat-syarikat korporat.

"Tanpa menawarkan tawaran bufet Ramadan, agak sukar untuk para pengusaha hotel cari makan kerana tempahan mengadakan seminar atau kursus akan berkurangan sepanjang



HAZIZ

bulan Ramadan.

"Ada sesetengah hotel yang tempahan mereka lebih baik pada bulan Ramadan kerana permintaan bufet disediakan juga merupakan antara daya penariknya," katanya.

Tambah beliau, pelanggan boleh mendapat harga lebih murah sekiranya mereka membuat pembelian awal sekali gus mendapat harga promosi.

Haziz dalam pada itu menyangkal persepsi sesetengah individu bahawa berbuka puasa di hotel dengan harga bufet yang ditawarkan adalah satu pembaziran.

"Ini bukan pembaziran, tapi penghargaan kepada diri sendiri atau ada majikan meraikan



Menjadi kelaziman hotel-hotel di seluruh negara menawarkan bufet Ramadan untuk berbuka puasa. - Gambar hiasan

pekerja mereka kerana Ramadan itu hanya setahun sekali. Ia pilihan kepada yang mampu.

"Tetapi saya nak nasihatkan juga, walaupun anda bayar untuk

makan tanpa had semua hidangan disediakan, janganlah membazir dengan mengambil makanan dalam kuantiti banyak tetapi tidak dihabiskan," katanya.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

# **BERITA ONLINE**

## **KPDN**



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

**BERITA ONLINE BERTARIKH 25 FEBRUARI 2025**

<b>TARIKH</b>	<b>TAJUK</b>	<b>PAUTAN</b>	<b>MEDIA</b>
25-Feb	Wanita mengaku tidak bersalah seleweng diesel	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714433/berita/semasa/wanita-mengaku-tidak-bersalah-seleweng-diesel#google_vignette">https:// www.sinarharian.com.my/ article/714433/berita/semasa/ wanita-mengaku-tidak-bersalah- seleweng-diesel#google_vignette</a>	SINAR HARIAN
25-Feb	Pemilik syarikat didakwa seleweng diesel bersubsidi	<a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2025/02/1190482/pemilik-syarikat-didakwa-seleweng-diesel-bersubsidi">https:// www.hmetro.com.my/ mutakhir/2025/02/1190482/ pemilik-syarikat-didakwa- seleweng-diesel-bersubsidi</a>	HARIAN METRO
25-Feb	Pemilik syarikat didakwa seleweng diesel bersubsidi	<a href="https://themalaytribune.com/pemilik-syarikat-didakwa-seleweng-diesel-bersubsidi/">https:// themalaytribune.com/ pemilik-syarikat-didakwa- seleweng-diesel-bersubsidi/</a>	MALAY TRIBUNE
25-Feb	Parlimen: Kementerian pertimbang tingkat hukuman kesalahan logo halal	<a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2025/02/parlimen-kementerian-pertimbang-tingkat-hukuman-kesalahan-logo-halal/">https:// www.utusan.com.my/ nasional/2025/02/parlimen- kementerian-pertimbang- tingkat-hukuman-kesalahan- -logo-halal/</a>	UTUSAN MALAYSIA
25-Feb	KPDN, JAKIM pertimbang keperluan naikkan hukuman kesalahan salah guna logo halal	<a href="https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2025/02/1365284/kpdn-jakim-pertimbang-keperluan-naikkan-hukuman-kesalahan-salah-">https:// www.bharian.com.my/ berita/ nasional/2025/02/1365284/ kpdn-jakim-pertimbang- keperluan-naikkan- hukuman-kesalahan-salah-</a>	BERITA HARIAN
25-Feb	KPDN, JAKIM pertimbang keperluan hukuman lebih tegas penyalahgunaan logo halal	<a href="https://www.buletintv3.my/nasional/kpdn-jakim-pertimbang-keperluan-hukuman-lebih-tegas-penyalahgunaan-logo-halal/">https://www.buletintv3.my/ nasional/kpdn-jakim- pertimbang-keperluan- hukuman-lebih-tegas- penyalahgunaan-logo-halal/</a>	TV3
25-Feb	Kajian beras MyCC dapati tiada elemen bertentangan undang-undang persaingan	<a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kajian-beras-mycc-dapati-tiada-elemen-bertentangan-undangundang-persaingan-">https:// www.astroawani.com/berita- -malaysia/kajian-beras- mycc-dapati-tiada-elemen- bertentangan- undangundang-persaingan-</a>	ASTRO AWANI

25-Feb	MyCC tidak menemui amalan anti persaingan dalam kajian am industri padi dan beras	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1190634/mycc-tidak-temui-amalan-anti-persaingan-dalam-kajian-am-industri-padi-dan">https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/02/1190634/ mycc-tidak-temui-amalan- anti-persaingan-dalam- kajian-am-industri-padi-dan</a>	HARIAN METRO
25-Feb	Kajian beras: MyCC dapati tiada elemen bertentangan undang-undang persaingan	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/714538/berita/nasional/kajian-beras-mycc-dapati-tiada-elemen-bertentangan-undang-undang-persaingan">https:// www.sinarharian.com.my/ article/714538/berita/nasional/ kajian-beras-mycc-dapati-tiada- elemen-bertentangan-undang- undang-persaingan</a>	SINAR HARIAN
25-Feb	MyCC clears rice, padi sector of anti-competition violations	<a href="https://www.nst.com.my/news/nation/2025/02/1179789/mycc-clears-rice-padi-sector-anti-competition-violations">https://www.nst.com.my/news/ nation/2025/02/1179789/mycc- clears-rice-padi-sector-anti- competition-violations</a>	NST
25-Feb	MyCC study finds no competition law violations in rice and padi industry - Armizan	<a href="https://thesun.my/malaysia-news/mycc-study-finds-no-competition-law-violations-in-rice-and-padi-industry-armizan-NH13729206">https://thesun.my/malaysia- news/mycc-study-finds-no- competition-law-violations- in-rice-and-padi-industry- armizan-NH13729206</a>	THE SUN
25-Feb	Gula-gula kenyal masih dijual di pasaran, CAP minta haramkan terus	<a href="https://www.hmetro.com.my/amp/mutakhir/2025/02/1190615/gula-gula-kenyal-masih-dijual-di-pasaran-cap-minta-haramkan-terus">https:// www.hmetro.com.my/amp/ mutakhir/2025/02/1190615/ gula-gula-kenyal-masih- dijual-di-pasaran-cap-minta- haramkan-terus</a>	HARIAN METRO
25-Feb	GULA-GULA KENYAL MASIH DIJUAL DI PASARAN, CAP MINTA HARMAKAN TERUS	<a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2395982">https://www.bernama.com/ radio/news.php? id=2395982</a>	BERNAMA